

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : MESYUARAT KEDUA INTERNATIONAL STEERING COMMITTEE ON RURAL WOMEN (ISC)
Lokasi : AMMAN, JORDAN
Tarikh : 07-05-1996

1. Mesyuarat Kedua International Steering Committee on Rural Women (ISC) akan diadakan pada 14 - 16 Mei 1996 di Amman, Jordan. Mesyuarat ini adalah mesyuarat susulan daripada mesyuarat pertama ISC yang telah diadakan pada 24 - 25 Februari 1994 di Brussels, Belgium. Mesyuarat dwi-tahunan ini akan dihadiri oleh Ahli-ahli ISC yang terdiri daripada 16 orang wanita pertama yang mewakili lima wilayah utama di dunia iaitu Afrika, Amerika, Asia- Pasifik, Eropah serta Timur Tengah dan Afrika Utara. Malaysia akan menghadiri mesyuarat ini mewakili wilayah Asia-pasifik. Ahli-ahli ISC lain yang dijangka menghadiri mesyuarat pada kali ini ialah Wanita Pertama Angola, Belgium, Colombia, Egypt, Tonga dan Turki. H.M. Queen Fabiola dari Belgium sebagai penaung kepada ISC juga akan hadir.

2. Delegasi Malaysia akan diketuai oleh Y.A.Bhg Datin Seri Dr. Siti Hasmah bt Haji Mohd Ali. Ahli- ahli delegasi yang lain adalah seperti berikut:- i) Y.B. Datin Paduka Zaleha binti Ismail Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat ii) Wakil Kementerian Luar Negeri iii) Dr. Husna binti Sulaiman Pensyarah Universiti Pertanian Malaysia (Wakil Peribadi Y.A.Bhg Datin Seri Dr. Siti Hasmah bt Haji Mohd. Ali) iv) Dr. Nuriyah bte Haji Moon Pegawai Tugas-tugas Khas kepada YAB Perdana Menteri v) Puan Hajah Rubiah bte Haji Abdul Rahman Pengarah Bahagian Hal Ehwal Wanita Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat vi) Puan Ramlah binti Abu Bakar Wakil wanita luar bandar vii) Dua orang wakil daripada media 3. Berikut adalah agenda yang akan dibincangkan di mesyuarat ini.

i) Draft Plan of Action for 1996 - 1998 ii) Financing of ISC iii) ISC Statutes and Rules of Procedure iv) Selection of New Members v) Venue of the 1998 ISC Meeting 4. Isu-isu yang akan dibangkitkan semasa membincangkan ISC Statute and Rules of Procedure termasuklah:- i) Keahlian - merangkumi siapakah ahli ISC, tempoh keahlian, pemilihan ahli baru, penamatan keahlian dan juga pembaharuan keahlian bagi bekas ahli ii) Pengerusi - tempoh pengerusi, tanggungjawab, pemilihan pengerusi serta pertukaran pengerusi iii) Komposisi Jawatankuasa - bilangan ahli dan juga pertambahan ahli iv) Kewangan - bagaimana mendapatkan sumber kewangan untuk aktiviti ISC v) Tema - tema mesyuarat ISC akan sentiasa meliputi penilaian status wanita luar bandar di pelbagai wilayah. Mengenai tema baru, Pengerusi boleh mencadangkan tema-tema lain yang bersesuaian dan dirasakan perlu. Cadangan ini seterusnya perlu dibincangkan pada mesyuarat persediaan wakil-wakil wanita pertama vi) Jemputan Khas - ahli ISC boleh mencadangkan nama-nama personaliti yang terkenal dan banyak terlibat dengan kegiatan wanita luar bandar untuk di jemput ke mesyuarat-mesyuarat ISC.

Mereka ini akan dijemput menghadiri mesyuarat sebagai penasihat ataupun jemputan khas. Cadangan ini boleh dibuat semasa mesyuarat persediaan wakil-wakil ahli ISC vii) Jawatankuasa Wilayah - ahli ISC di peringkat wilayah digalakkan untuk mengadakan pertemuan di peringkat wilayah di samping melibatkan juga wanita-wanita pertama di wilayah berkenaan. 5. Program mesyuarat adalah seperti di Lampiran A.

6. Di mesyuarat ini Y.A.Bhg. Datin Seri akan membuat kenyataan mengenai kemajuan pelaksanaan Deklarasi Geneva di peringkat Wilayah Asia-Pasifik khususnya mengenai penubuhan Regional Steering Committee yang telah ditubuhkan pada 5 September 1995 dan juga aktiviti yang telah dan akan dilaksanakan di peringkat Wilayah Asia-Pasifik.

7. Pada mesyuarat ini akan diadakan juga tiga Kumpulan Perbincangan yang akan disertai oleh ahli- ahli ISC, wakil peribadi mereka, wakil wanita luar bandar dan juga pakar-pakar dalam bidang-bidang tertentu yang dijemput.

8. Tema bagi perbincangan kumpulan ialah:- i) Enhancement of the Quality of Life of Rural Women and Their Families ii) Food Security iii) Micro-credit for Rural Women 9. Y.A.Bhg. Datin Seri Dr. Siti Hasmah bte Haji Mohd Ali akan mengambil bahagian di dalam perbincangan kumpulan bagi tema yang pertama

iaitu Enhancement of the Quality of Life of Rural Women and Their Families. Y.B. Datin Paduka Zaleha Ismail akan menyertai perbincangan kumpulan bagi tema Micro- credit for Rural Women.

10. Mesyuarat Kedua ini diharap dapat menggerakkan lagi usaha-usaha di peringkat antarabangsa untuk mempertingkatkan kemajuan wanita luar bandar khususnya di dalam bidang-bidang di mana mereka masih ketinggalan seperti ekonomi, kesihatan mahupun pendidikan.

11. Delegasi negara akan menggunakan peluang ini untuk menjelaskan usaha-usaha Kerajaan untuk membantu meningkatkan taraf wanita luar bandar seperti Projek Amanah Ikhtiar Malaysia.